

PEMBAHARUAN DALAM MASHAF RASM ‘UTHMĀNĪ: SUATU SOROTAN SEJARAH

Oleh:

Abd Rahman bin Hj Abd Ghani
Mustafa bin Abdullah

Abstract

The recitation of the Quran by Muslims is guided by illustrated signs, symbols and dots. These illustrations has been created or introduced by post-Companion scholars. They were introduced in order to guide the ummah how to recite the Quran correctly. In doing so, there are different views pertaining to various types of symbols, signs and dots to be used. In conclusion, muslim are allowed to choose whatever signs available to them to use in writing the holy Quran.

PENDAHULUAN

Selepas berlalu zaman Sayyidina ‘Uthmān r.‘a, tidak ada lagi masalah yang berlaku berhubung dengan cara-cara pembacaan al-Qur'an, kerana umat Islam pada ketika itu telah mempunyai sumber rujukan masing-masing. Keadaan ini berterusan hingga ke zaman permulaan pemerintahan kerajaan Bani Umayyah.

Sebagaimana yang diketahui, mashaf-mashaf ‘Uthmānī itu tidak mempunyai sebarang tanda termasuklah baris-baris dan titik-titik. Ini menjadikannya sesuai dan boleh dibaca berdasarkan *lahjah-lahjah* Arab yang menjadi wajah-wajah qiraat yang diharuskan oleh Allah SWT. Sungguhpun keadaannya demikian, ia tidak sedikitpun menimbulkan masalah kepada para sahabat dan beberapa generasi selepasnya, kerana mereka mempelajari al-Qur'an secara *talaqqi musyāfahah*¹ daripada mulut Rasulullah

¹ Kaedah pembelajaran al-Qur'an secara berhadap-hadapan iaitu seorang murid hendaklah membaca di hadapan gurunya. Lihat al-Saykh Ahmad bin Muhammad al-Bannā (1987), *Ittiḥāf Fudalā' al-Basyar bi al-Qirā'āt al-Arba'ah 'Asyr*, juz. 1. Tahqīq: Sya'bān Muḥammad Ismā'il, Beirut: 'Alam al-Kutub & Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, hal. 68.

s. ‘a.w dan sahabat-sahabat yang terkemuka, di samping mereka memahami setiap maksud dan makna ayat-ayat al-Qur'an yang mereka baca.

Para sahabat serta umat Islam pada permulaan zaman tabi'in terus menerima al-Qur'an berdasarkan kaedah tersebut. Semua mashaf yang dicetak pada zaman itu mengekalkan kaedah tersebut tanpa pindaan walaupun sedikit. Keadaan ini berkekalan sehingga ke zaman permulaan kerajaan Bani Umayyah. Semasa pemerintahan Mu'awiyah bin Abi Sufyān, mashaf *Rasm 'Uthmāni* telah mula mengalami pembaharuan dengan diletakkan baris-baris. Pembaharuan tersebut berterusan semasa pemerintahan 'Abd al-Malik bin Marwān apabila ia diletakkan pula titik-titik pada beberapa huruf tertentu.

Pembaharuan yang berlaku pada dua zaman yang disebutkan tidak terhenti setakat itu sahaja, namun ia berterusan pada zaman-zaman selepasnya apabila penambahan tanda-tanda *waqaf, juz'* dan lain-lain lagi terus dilakukan oleh para ulama pada masa itu. Pada akhir zaman ini pula, semakin banyak mashaf-mashaf yang dapat dihasilkan oleh beberapa badan kerajaan atau swasta. Kebanyakannya telah mengubahsuai beberapa tanda tertentu, dengan tujuan untuk lebih mengindahkan lagi mashaf-mashaf yang mereka hasilkan.

LATAR BELAKANG UMAT ISLAM SELEPAS ZAMAN KHALIFAH ‘UTHMĀN BIN ‘AFFĀN

Pada zaman Khalifah Sayyidina 'Alī bin Abī Ṭālib r.a, penggunaan mashaf al-Qur'an *Rasm 'Uthmāni* terus tersebar dan mendapat sanjungan daripada umat Islam pada ketika itu. Mereka dapat membaca mashaf tersebut dengan baik, walaupun tanpa mempunyai titik dan baris. Keadaan ini terus berlaku sehingga Islam tersebar dengan meluas dan dianuti oleh ramai orang yang bukan berbangsa Arab ('ajam).

Pada permulaan zaman pemerintahan kerajaan Bani Umayyah, penaklukan wilayah-wilayah Islam begitu giat dilakukan sehingga banyak negara bukan Islam telah dapat ditawan. Ekoran dari penawanannya tersebut, Islam semakin tersebar dan natijahnya ramai penduduk di negara-negara yang berkenaan telah memeluk agama Islam, sama ada secara sukarela atau melalui jalan perkahwinan. Anak-anak yang dilahirkan mempelajari sebahagian bahasa ayah dan sebahagian bahasa ibu mereka. Maka dengan sebab itu bercampurlah bahasa Arab dengan bahasa-bahasa asing sehingga terbentuklah bahasa-bahasa campuran.²

² Al-Saykh 'Abd al-Rahman (1994), *Uṣūl al-Tafsīr wa Qawā'iduh*, cet. 3. Beirut: Dār al-Nafā'is, hal. 458.

Orang-orang ‘ajam begitu sukar untuk membezakan antara kalimah-kalimah al-Qur'an kerana huruf-hurufnya banyak mempunyai persamaan antara satu sama lain, di sebabkan keadaannya tidak mempunyai titik dan baris. Oleh yang demikian, para pemimpin pada ketika itu merasa bimbang sekiranya keadaan ini akan berlaku terhadap ayat-ayat al-Qur'an. Merekapun berusaha untuk mengelakkan keadaan yang buruk itu terjadi, dengan menjalankan beberapa ikhtiar yang boleh menjamin keutuhan kitab suci al-Qur'an. Usaha dibuat bagi memastikan al-Qur'an tidak mengalami pindaan dan perubahan disebabkan oleh pengaruh bahasa campuran tersebut. Akhirnya terciptalah baris-baris dan titik-titik yang boleh dijadikan panduan oleh umat Islam apabila mereka membaca kitab suci al-Qur'an.³

BARIS-BARIS DALAM MASHAF *RASM 'UTHMĀNĪ*

Baris bermaksud sesuatu tanda yang menunjukkan *harakah* bagi huruf-huruf dan termasuklah juga tanda-tanda *sukūn*, *syaddah*, *mad* dan sebagainya. Di dalam bahasa Arab, ia disebut sebagai *al-syakl* atau *al-dabt*. Selain daripada itu, ia juga dinamakan dengan *Nuqat al-I'rāb*.⁴ Berpandukan kepada fakta sejarah, pembarisan mashaf *Rasm 'Uthmānī* ini berlaku pada zaman Khalifah Mu'awiyah bin Abi Sufyān. Namun begitu, terdapat juga pendapat lain yang mengatakan bahawa ia bermula semenjak zaman Sayyidina 'Ali bin Abi Tālib r.a lagi.⁵

Para ulama berselisih pendapat mengenai orang yang mula-mula sekali mencipta baris-baris dalam mashaf al-Qur'an. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa beliau ialah al-Hasan al-Baṣrī (m. 110 H).⁶ Ada juga yang mengatakan bahawa ia dicipta oleh dua orang iaitu Yahyā bin Ya'mar (m. 89 H) dan Nasr bin 'Āsim al-Laythī (m. 89 H). Sebahagiannya mengatakan bahawa ia dicipta oleh al-Khalīl bin Ahmad al-Farāhīdī (m. 170 H) dan ada juga yang mengatakan bahawa ia dicipta oleh 'Abd Allāh bin Abi Ishāq al-Hadramī (m. 117 H). Bagaimanapun, kebanyakan ulama berpendapat bahawa orang yang mula menciptanya ialah Abū al-Aswad al-Du'ali (m.

³ *Ibid.*

⁴ Sya'bān Muhammād Ismā'il (1978), *Al-Qur'ān al-Karīm fi Tārikhīh, Khasā'isih Ahkāmih, Asrārih, Qirā'atih, Ādāb Tilāwatih, Nāsikhīh wa Mansūkhīh*. Mesir: Dār al-Ittiḥād al-'Arabi, hal. 406.

⁵ Muhammad al-Habsy (1999), *Al-Qirā'at al-Mutawātirah wa Atharuha fī al-Rasm al-Qur'āni wa al-Ahkām al-Syar'iyyah*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'aṣir & Damsyik: Dār al-Fikr, hal. 96.

⁶ Jalal al-Dīn 'Abd al-Rahmān al-Suyūtī (1987), *Al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, juz 2. Tahqīq Muṣṭafa Dib al-Bughā, Beirut: Dār Ibn Kathīr, hal. 1182.

69 H) dengan perintah Ziyād bin Abī Sufyān (m. 53 H).⁷ Inilah pendapat yang masyhur, walaupun ada pendapat lain yang mengatakan bahawa baris itu dicipta atas arahan ‘Abd al-Malik bin Marwān (m. 95 H).⁸

SEBAB-SEBAB PERLETAKAN BARIS

Pada zaman pemerintahan Mu‘āwiyah bin Abi Sufyān, semakin ramai orang yang bukan berbangsa Arab memeluk agama Islam. Dengan sebab itu, antara masalah yang mula-mula sekali berlaku di kalangan mereka ialah apabila mereka membaca al-Qur'an yang tidak mempunyai baris.

Satu riwayat menceritakan bahawa pada suatu ketika, Mu‘āwiyah bin Abi Sufyān telah mengarahkan Ziyād bin Abī Sufyān yang menjadi gabenor Basrah pada ketika itu supaya beliau menghantar anaknya ‘Ubayd Allāh bin Ziyād untuk mengadapnya. Dalam pertemuan itu, Mu‘āwiyah dapat terlalu banyak kesalahan tatabahasa yang telah dilakukan oleh ‘Ubayd Allāh dalam percakapannya. Oleh itu, sewaktu ‘Ubayd Allāh dihantar pulang, Mu‘āwiyah telah mengutus sepucuk surat kepada Ziyād dengan mengecam beliau kerana membiarkan anaknya bertutur tanpa menurut tatabahasa yang betul.

Setelah membaca surat itu, Ziyād terus memikirkan cara yang terbaik untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kemudian beliaupun memanggil Abū al-Aswad al-Du‘alī, iaitu seorang ulama al-Qur'an yang terkemuka pada ketika itu, lantas bertanya kepadanya: “Sesungguhnya bahasa Arab telah dicemari dan dimasuki unsur-unsur yang merosakkan. Bolehkah anda mencipta sesuatu yang dapat dijadikan panduan bagi orang ramai mengawal bahasa mereka dari tersalah sehingga mereka boleh membaca ayat-ayat al-Qur'an dengan betul?” Akan tetapi pada peringkat permulaannya, Abū al-Aswad enggan menerima cadangan tersebut, tanpa sebab tertentu.⁹

Keputusan Abū al-Aswad itu tidak mengecewakan Ziyād, malah beliau terus memikirkan cara untuk lebih menyakinkan Abū al-Aswad agar beliau mencipta sesuatu yang boleh menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi. Akhirnya beliau menyuruh seorang lelaki duduk di tepi jalan yang biasa dilalui oleh Abu al-Aswad dan berkata kepada lelaki itu: “Bila Abū al-Aswad lalu di hadapanmu, kamu bacalah

⁷ Muhammad Muhammad Salīm Muhaysin (1989), *Fi Rihāb al-Qur'ān al-Karīm*, juz 1. Beirut: Dār al-Jīl, hal. 198.

⁸ Al-Suyūtī (1987), *op.cit.*, hal. 1182.

⁹ Muhammad Muhammad Salīm Muhaysin (t.t.), *Irsyād al-Tālibīn ila Ḏabt al-Kitāb al-Mubīn*. Kaherah: Matbā‘ah al-Jihāz al-Markazi li al-Kutub al-Jāmi‘ah wa al-Madrasiyyah wa al-Wasā'il al-Ta‘limiyyah, hal. 5.

Pembaharuan Dalam Mashaf *Rasm 'Uthmāni*: Satu Sorotan Sejarah
sesuatu ayat al-Qur'an dan lakukan sedikit kesilapan."

Kemudian lelaki itu pun duduk di tepi jalan dan apabila Abū al-Aswad melintas di hadapannya, beliaupun membaca firman Allah SWT:¹⁰ أَنَّ اللَّهَ بِرِيءٌ مَّنْ أَمْشَرَ كَيْنَ وَرَسُولِهِ ، iaitu dengan baris *kasrah* pada huruf *Lām* (لَامْ). Apabila Abū al-Aswad mendengar bacaan lelaki itu, beliau sangat terperanjat lalu berkata: "Maha Suci Allah memutuskan tanggungjawab terhadap RasulNya." Kemudian beliau segera pergi bertemu dengan Ziyād dan berkata kepadanya: "Baiklah, saya sanggup memenuhi permintaan tuan."

Untuk membantu beliau dalam melaksanakan tugas ini, beliau telah memilih seorang lelaki yang berilmu dari qabilah 'Abd al-Qays dan berkata kepadanya: "Ambil sebuah mashaf dan sebuah bekas cat yang warnanya berlainan dari warna tulisan mashaf itu. Bila aku buka kedua bibirku letakkan satu titik di atas huruf itu, bila aku himpukkan (bulatkan) keduanya letakkan satu titik di hadapannya, bila aku pecahkan (buka) keduanya, letakkan satu titik di bawahnya dan bila aku sertakan dengan *ghunnah* (*tanwin*) letakkanlah dua titik." Abū al-Aswad bersama lelaki tersebut memulakan usaha itu dari awal mashaf sehingga akhirnya.

Pada zaman pemerintahan kerajaan 'Abbasiyyah, telah lahir seorang imam yang sangat berilmu bernama al-Khalil bin Ahmad al-Basri. Beliau telah mengubah bentuk baris-baris yang dicipta oleh Abū al-Aswad al-Du'ali dengan bentuk yang digunakan sekarang.¹¹

BENTUK-BENTUK BARIS DALAM MASHAF *RASM 'UTHMĀNI*

Sebagaimana yang diketahui bahawa pada peringkat permulaan, baris-baris al-Qur'an adalah berupa titik-titik yang diletakkan pada setiap huruf yang berbaris. Pada zaman 'Abbasiyyah, keadaannya telah diubah menjadi lebih kemas dan elok serta mudah difahami. Baris-baris yang dimaksudkan itu ialah *fathah*, *kasrah*, *dammah*, *tanwin*, *sukün* dan *syaddah*.

1. *Fathah* (Baris Atas)

Bentuknya adalah berupa huruf *Alif* kecil yang melintang dari kanan ke kiri (-). Ia mengalami sedikit perubahan apabila penulisan pada zaman sekarang meletakkan baris tersebut dalam keadaan condong sedikit (↗). Baris ini diletakkan di atas huruf-huruf yang berbaris. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa ia diletakkan di hadapan huruf yang berbaris, namun pandangan tersebut adalah pendapat yang lemah.¹²

¹⁰ Al-Qur'an. Al-Tawbah: 3.

¹¹ Sya'bān Muḥammad Ismā'īl (1978), *op.cit.*, hal. 406-407.

¹² Muḥammad Muhammed Salim Muḥayṣin (t.t.), *op.cit.*, hal. 9.

2. *Kasrah* (Baris Bawah)

Bentuknya berupa huruf *Ya'* yang tertolak ke belakang (←). Para ulama sepakat meletakkan tanda tersebut di bawah huruf yang berbaris selepas kepala huruf *Ya'* itu dibuang.¹³ Baris ini juga mengalami sedikit perubahan seperti baris *fathah* yang keadaannya dicondongkan sedikit (↘), sebagaimana bentuk yang digunakan sekarang.

3. *Dammah* (Baris Hadapan)

Bentuknya adalah berupa huruf *Waw* kecil (↙) yang diletakkan di atas huruf yang berbaris, sebagaimana bentuk yang digunakan sekarang. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa ia diletakkan di hadapan atau di sebelah huruf yang berbaris, namun pendapat tersebut adalah pendapat yang lemah.¹⁴

4. *Tanwin*¹⁵ (Baris Dua)

Bentuknya sama seperti *fathah*, *kasrah* dan *dammah*, cuma ditambah bahagian atasnya dengan satu baris yang sepertinya. Para ulama berbeza pendapat mengenai bentuk-bentuk *tanwin* tersebut.

- a) Pendapat yang diterima oleh kebanyakan ulama dan yang digunakan sekarang ialah:
 - i. Sekiranya *tanwin* bertemu dengan huruf-huruf *Iżhār*,¹⁶ iaitu enam huruf mengikut bacaan kebanyakan qiraat¹⁷ (*Hamzah*, *Hā'*, 'Ayn, *Hā'*, *Ghayn* dan *Khā'*) dan empat huruf mengikut qiraat Abi Ja'far¹⁸ (*Hamzah*, *Hā'*, 'Ayn dan

¹³ *Ibid.*

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Tanwin* ialah *Nūn sukūn* tambahan yang terletak pada akhir kata nama, dimana ia berbunyi pada lafadz dan ketika bacaan *waṣal*, tetapi ia akan hilang pada tulisan dan ketika bacaan *waqaf*. Lihat Mahmūd al-Huṣāri (1970), *Aḥkām Qirā'ah al-Qur'ān al-Karīm*. Kaherah: Maṭba'ah Syarikah al-Syamarli, hal. 152.

¹⁶ *Iżhār* ialah mengeluarkan setiap huruf daripada tempat keluarnya tanpa dengung. Lihat Abi 'Aṣim 'Abd al-'Azīz bin 'Abd al-Fattāḥ al-Qārī. (1404). *Qawā'id al-Tajwid 'ala Riwayah Hafṣ 'an 'Aṣim bin Abi al-Najūd*, cet. 5. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Dār.

¹⁷ *Qiraat Nāfi'*, Ibn Kathīr, Abū 'Amru, Ibn 'Āmir, 'Āsim, Hamzah, Kisā'i, Ya'qūb dan Khalaf. Lihat Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Alī bin al-Jazārī (1977), 'Ali Muḥammad al-Dibā' (ed.), *Syarḥ Tayyibah al-Nasyr fi al-Qirā'at al-'Asyra'*. Kaherah: Dār al-Sya'b, hal. 109.

¹⁸ Aḥmad al-Baylī (1988), *Al-Ikhtilāf Bayn al-Qirā'at*. Beirut: Dār al-Jil & Khartoum: Dār al-Sudāniyyah li al-Kutub, hal. 83-84.

Hā'), bentuk barisnya adalah *tarkib* iaitu sama antara satu sama lain. Bentuk baris dua di atas dan dua di bawah adalah (﴿ ﴾) dan baris dua di hadapan pula adalah (ﴽ ﴿).

- ii. Sekiranya *tanwin* bertemu dengan huruf-huruf *Ikhfā'*¹⁹ dan *Idghām*,²⁰ bentuk barisnya adalah tidak sama, iaitu dengan menjadikan baris *tanwin* lebih ke hadapan dari baris huruf berkenaan. Bentuk baris dua di atas dan dua di bawah adalah (﴿ ﴾) dan baris dua di hadapan pula adalah (ﴽ ﴿).
- iii. Sekiranya *tanwin* bertemu dengan huruf *Iqlāb*,²¹ baris *tanwin* tersebut ditukar dengan huruf *Mīm* kecil seperti (﴾ عَلِيمٌ بِذَاتِ الْأَصْدُورِ ﴿).
- b) Sebahagian ulama berpendapat bahawa bentuk baris dua di atas dan dua di bawah adalah sama (﴿ ﴾) dan bentuk baris dua di hadapan adalah (ﴽ ﴿), bagi semua hukum yang di atas.²²

Mengenai tanda huruf-huruf yang terdapat selepas baris *tanwin*, bentuk penulisan yang banyak digunakan sekarang adalah seperti berikut:

- i. Apabila hukumnya *Izhār*, *Ikhfā'* atau *Iqlāb*, maka hendaklah huruf tersebut ditarik tanpa diletakkan dengan tanda *tasyid* (sabdu). Contohnya seperti (﴾ عَلِيمٌ بِذَاتِ حَيْكِمَةٍ ﴿), (﴾ كَلِمَةً طَيِّبَةً ﴿) dan (﴾ عَلِيمٌ بِذَاتِ حَيْكِمَةٍ ﴿) dan (﴾ كَلِمَةً طَيِّبَةً ﴿).
- ii. Apabila selepas *tanwin* terdapat huruf-huruf *Lām*, *Mīm*, *Nūn* dan *Rā'*, maka hendaklah huruf-huruf tersebut ditarik berserta dengan tanda *tasyid*. Contohnya seperti (﴾ هُدَى لِلْمُتَّقِينَ ﴿), (﴾ يَوْمَئِنْ نَاعِمَةً ﴿) dan (﴾ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿).
- iii. Apabila selepas *tanwin*, terdapat huruf-huruf *Wāw* dan *Yā'*, maka hendaklah huruf-huruf tersebut ditarik tanpa diletakkan dengan tanda *tasyid*. Contohnya seperti (﴾ رَغْدًا وَدَخْلُواً ﴿) dan (﴾ وَبَرْقٌ سَجَعُونَ ﴿).²³

¹⁹ *Ikhfā'* ialah menyembunyikan huruf yang pertama di sisi huruf yang kedua serta dikekalkan dengung. Lihat Abi ‘Āsim (1404 H), *op.cit.*, hal. 72.

²⁰ *Idghām* ialah memasukkan huruf yang pertama ke dalam huruf yang kedua seolah-olah menjadi satu huruf yang bersabdu. Lihat Abi ‘Āsim, *ibid*, hal. 69.

²¹ *Iqlāb* ialah menukar bunyi *Nūn sukūn* kepada bunyi *Mīm* yang diikhfā'kan serta dikekalkan dengung. Lihat Muhammad Muhammad Salīm Muḥayṣin (1970), *Mursyid al-Murid ila ‘Ilm al-Tajwid*. Mesir: Maktabah al-Qāhirah, hal. 8.

²² ‘Ali Muhammad al-Dibā’ (t.t.), *Samīr al-Tālibīn fī Rasm wa Ḏabṭ al-Kitāb al-Mubīn*. Mesir: Multazam al-Tab‘ wa al-Nasyr ‘Abd al-Hamid Ahmad Ḥanafī, hal. 128-129.

²³ Al-Dibā’ (t.t.), *op.cit.*, hal. 129-131.

5. *Sukūn (Tanda Mati)*

Para ulama berselisih pendapat mengenai huruf yang *sukūn*, sama ada ia perlu diberikan tanda atau tidak. Ulama Iraq berpendapat bahawa setiap huruf yang *sukūn* tidak perlu diletakkan sebarang tanda. Tetapi kebanyakan ulama pula berpendapat bahawa sesuatu tanda perlu diletakkan untuk menunjukkan bahawa huruf tersebut *sukūn*.²⁴

Terdapat tiga pendapat yang membahaskan tentang bentuk tanda *sukūn* yang perlu digunakan:

- i. Tanda yang banyak digunakan dalam penulisan mashaf semenjak dahulu hingga ke hari ini adalah berupa kepala huruf *Jīm* yang telah dibuang titiknya (﴿). Ia diambil dari kalimah (مُجَرَّد) yang membawa makna potong, kerana *sukūn* itu bermaksud memotong sesuatu huruf itu dari menerima apa-apa baris. Tanda *sukūn* ini juga adalah berupa kepala huruf *Hā'* (﴿) yang diambil dari kalimah (اسْتَرْحَى) yang membawa makna rehat, kerana sebutan sesuatu huruf yang *sukūn* itu membawa maksud bahawa huruf tersebut direhatkan dari menerima sebarang baris
- ii. Tanda *sukūn* ini juga adalah berupa kepala huruf *Kha'* yang telah dibuang titiknya (﴿). Ia diambil dari kalimah (خَفِيفٌ) yang membawa makna ringan, kerana sebutan sesuatu huruf yang *sukūn* itu adalah lebih ringan dari huruf yang berbaris. Pendapat ini dipegang oleh mazhab al-Khalil bin Ahmad.
- iii. Sebahagian ulama yang lain mengatakan bahawa tanda *sukūn* itu adalah berupa bulatan kecil (°), diambil dari tanda kosong yang membawa maksud sunyi, kerana huruf yang *sukūn* itu sunyi dari menerima apa-apa baris. Pendapat ini dipegang oleh Abū Dawūd dan diamalkan oleh kebanyakan ulama Madinah.
- iv. Sebahagian ulama Madinah dan ulama Nahu pula mengatakan bahawa tanda *sukūn* itu adalah berupa huruf *Hā'* yang tersimpul (﴿).²⁵

Sekiranya *Nūn sukūn* bertemu dengan huruf-huruf *Hijā'iyyah*,²⁶ terdapat dua

²⁴ Muhammad Muhammad Salim Muhsayin (t.t.), *op.cit.*, hal. 17.

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Huruf-huruf *Hijā'iyyah* ialah huruf-huruf ejaan bahasa Arab yang berjumlah dua puluh sembilan huruf mengikut pendapat yang disepakati oleh ramai ulama. Ada pendapat yang mengatakan bahawa hurufnya berjumlah dua puluh lapan dan ada juga yang mengatakan huruf-hurufnya berjumlah tiga puluh. Lihat al-Sayyid ‘Abd Allāh al-Jawhari (1995), *Al-‘Idah fi Tajwid Kalām al-Fattāḥ*. Kaherah, t.p. hal. 10.

pendapat ulama yang membahaskan mengenai cara meletakkan tanda *sukūn* tersebut, iaitu:

- a) Kebanyakan ulama mengatakan bahawa tanda tersebut diletakkan di atas huruf yang *Izhār* sahaja. Apabila hukumnya *Ikhfā'* atau *Idghām*, maka tidak diletakkan sebarang tanda di atas huruf *Nūn* tersebut, dan apabila hukumnya *Iqlāb*, maka hendaklah diletakkan huruf *Mīm* kecil di atas huruf *Nūn* sebagai tanda yang menunjukkan bahawa sebutan huruf *Nūn* ditukar kepada bunyi *Mīm*. Inilah cara yang digunakan dalam kebanyakan mashaf yang ada pada masa sekarang.²⁷
- b) Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa ia diletakkan di atas semua huruf yang *sukūn*, namun pandangan tersebut adalah pendapat yang lemah.²⁸

Adapun tanda huruf-huruf yang terletak selepas huruf yang *sukūn*, bentuk penulisan yang banyak digunakan sekarang adalah seperti berikut:

- a) Apabila hukumnya *Izhār* atau *Ikhfā'*, maka hendaklah huruf tersebut diberiskan tanpa diletakkan dengan tanda *tasyīd*, contohnya seperti (مِنْ قَبْلٍ) dan (مِنْ عَامَنْ)
- b) Apabila hukumnya *Idghām Kāmil*,²⁹ maka hendaklah huruf tersebut diberiskan berserta dengan tanda *tasyīd*, contohnya seperti (وَأَذْكُرْ رَبِّكَ)
- c) Apabila hukumnya *Idghām Nāqis*,³⁰ maka hendaklah huruf tersebut diberiskan tanpa diletakkan dengan tanda *tasyīd*, berpandukan kepada pendapat kebanyakan ulama, contohnya seperti (سَطَّ)³¹

6. *Syaddah* (Tanda Sabdu)

Para ulama berselisih pendapat mengenai huruf yang bertasyīd, sama ada ia perlu diletakkan tanda ataupun tidak. Sebahagian ulama Iraq berpendapat bahawa huruf yang bertasyīd itu tidak perlu diletakkan sebarang tanda. Tetapi kebanyakan ulama pula berpendapat bahawa sesuatu tanda perlu diletakkan untuk menunjukkan huruf tersebut bertasyīd.³²

²⁷ Al-Dibā' (t.t.), *op.cit.*, hal. 131-132.

²⁸ Muhammad Muhammad Salim Muhsin (1977), *op.cit.*, hal. 18.

²⁹ Memasukkan sesuatu huruf dengan sempurna tanpa adanya dengung yang boleh menegah kesempurnaan *tasyīd*. Lihat Mahmūd al-Huṣāri (1970), *op.cit.*, hal. 162.

³⁰ Memasukkan sesuatu huruf dengan tidak sempurna disebabkan dengung. Lihat Mahmūd al-Huṣāri, *ibid*, hal. 160.

³¹ Muhammad Muhammad Salim Muhsin (1977), *op.cit.*, hal. 18.

³² *Ibid*, hal. 21.

Terdapat dua pendapat yang membahaskan tentang bentuk tanda *syaddah* yang perlu digunakan iaitu:

- a) Tanda yang banyak digunakan dalam penulisan mashaf dari dahulu sehingga ke hari ini adalah berupa kepala huruf *Syīn* yang telah dibuang titiknya (ﺲ). Ia diambil dari kalimah (شدید) yang membawa makna bersangatan, kerana sebutan huruf yang *bertasyid* itu bersangatan bunyinya. Tanda tersebut diletakkan di atas huruf yang *bertasyid*. Ini merupakan pendapat mazhab al-Khalil bin Ahmad.
- b) Sebahagian ulama yang lain pula mengatakan bahawa tanda *syaddah* itu adalah berupa huruf *Dāl* yang berdiri (د). Ia diambil dari kalimah (دلید). Sekiranya huruf tersebut berbaris *fathah*, tanda *syaddah* itu diletakkan di atas huruf tersebut seperti (دلـةـ). Sekiranya huruf tersebut berbaris *kasrah*, tanda *syaddah* diletakkan di bawah huruf tersebut dalam keadaan terbalik ke bawah seperti (رـيـكـ). Sekiranya huruf tersebut berbaris *dammah*, maka tanda *syaddah* diletakkan di hadapan huruf tersebut dalam keadaan terbalik ke bawah seperti (وـلـيـكـ) dan cara ini digunakan oleh kebanyakan ulama Madinah dan Andalus.³³

TITIK-TITIK DALAM MASHAF RASM ‘UTHMĀNĪ

Titik bermaksud sesuatu tanda yang menunjukkan bentuk sesuatu huruf yang membezakan antara huruf-huruf yang *mu’jam*³⁴ dengan huruf-huruf yang *muhmal*.³⁵ Dalam istilah bahasa Arab, ia dinamakan sebagai *Nuqat al-I’jam*.³⁶

Para ulama telah berselisih pendapat dalam menentukan orang yang pertama kali mencipta titik ini. Pendapat yang paling mashyur dan disepakati oleh kebanyakan ulama mengatakan bahawa penciptanya yang pertama ialah Nasr bin ‘Āsim (m. 89 H) dan Yahya bin Ya‘mar (m. 89 H) atas arahan al-Hajjāj bin Yūsuf al-Thaqafi (m. 95 H).³⁷

³² *Ibid*, hal. 21.

³³ Al-Dibā‘ (t.t.), *op.cit.*, hal. 140-141.

³⁴ Huruf-huruf yang mempunyai titik. Lihat al-Dibā‘ (t.t.), *op.cit.*, hal. 111.

³⁵ Huruf-huruf yang tidak mempunyai titik. Ia juga dinamakan dengan huruf *Mubham* atau *Mughfal*. Lihat al-Dibā‘, *ibid*.

³⁶ Muhammad Muhammad Salim Muhsayin (1989), *op.cit.*, hal. 200.

³⁷ *Ibid*, hal. 201.

SEBAB-SEBAB PERLETAKAN TITIK

Pada zaman pemerintahan ‘Abd al-Malik bin Marwān, semakin banyak negara Islam yang baru telah dapat didirikan. Agama Islam yang sememangnya merupakan agama yang betul dan sesuai untuk semua bangsa manusia terus diterima dan dianuti. Dengan kemasukan ramai orang yang bukan berbangsa Arab ke dalam agama Islam, maka timbulah berbagai-bagai masalah yang berkaitan dengan bahasa Arab.

Oleh kerana orang-orang ‘ajam tidak dapat membezakan antara huruf-huruf yang *mu’jam* dengan yang *muhamal*, maka seringkali terjadi kesalahan apabila mereka bertutur dalam bahasa Arab, dan perkara yang lebih membimbangkan lagi ialah sekiranya kesalahan tersebut turut terjadi pada ayat-ayat al-Qur'an yang mereka baca. Justeru itu, Khalifah ‘Abd al-Malik memerintahkan al-Hajjāj bin Yūsuf al-Thaqafi, gabenor di Iraq pada ketika itu, untuk mencipta sesuatu yang boleh menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi.³⁸

Untuk melaksanakan tugas ini, al-Hajjāj bin Yūsuf al-Thaqafi telah melantik dua orang ulama yang pakar dalam bahasa Arab dan ilmu Qiraat, iaitu Nasr bin ‘Āsim dan Ya‘hya bin Ya‘mar. Kedua-dua mereka menerima tugas tersebut demi untuk kemaslahatan umum, demi menjaga keutuhan kitab suci al-Qur'an itu sendiri. Mereka melaksanakannya dengan mencipta titik-titik yang boleh membezakan antara sesuatu huruf dengan huruf yang lain. Titik-titik itu ditulis dengan menggunakan dakwat yang sama warna dengan tulisan mashaf, supaya ianya berbeza dengan titik-titik (baris-baris) yang direka oleh Abū al-Aswad al-Du'ali.³⁹

BENTUK-BENTUK TITIK DALAM MASHAF *RASM 'UTHMĀNĪ*

Huruf-huruf *Hijā’iyah* yang digunakan dalam penulisan mashaf al-Qur'an semuanya berjumlah dua puluh sembilan huruf. Ulama telah membahagikan huruf-huruf tersebut kepada dua bahagian⁴⁰ iaitu:

1) Huruf-huruf *Muhamal*

Iaitu huruf-huruf yang tidak mempunyai titik dan ia berjumlah tiga belas huruf. Huruf-hurufnya ialah *Alīf* (ﺍ), *Hā’* (ﺢ), *Dāl* (ﺔ), *Rā’* (ﺮ), *Sīn* (ﺲ), *Sād* (ﺳ), *Tā’* (ﺖ), *‘Ayn* (ﺾ), *Kāf* (ﺑ), *Lām* (ﺞ), *Mīm* (ﺩ), *Wāw* (ﺮ) dan *Hā’* (ﻩ).

³⁸ Sya‘bān Muhammad Ismā‘il (1978), *op.cit.*, hal. 407-408.

³⁹ *Ibid*, hal. 408.

⁴⁰ Muhammad Muhammad Salim Muhsin (1977), *op.cit.*, hal. 6-7.

Para ulama telah sepakat mengatakan bahawa huruf-huruf tersebut tidak mempunyai sebarang titik sama ada ketika diletakkan di permulaan, atau di pertengahan atau di hujung sesuatu kalimah.

2) Huruf-huruf *Mu'jam*

Iaitu huruf-huruf yang mempunyai titik dan ia berjumlah lima belas huruf. Huruf-hurufnya ialah *Bā'* (ب), *Ta'* (ت), *Tha'* (ث), *Jim* (ج), *Khā'* (خ), *Dhāl* (ذ), *Zay* (ز), *Syin* (ش), *Dād* (د), *Zā'* (ظ), *Ghayn* (غ), *Fā'* (ف), *Qāf* (ق), *Nun* (ن) dan *Yā'* (ي). Bentuk-bentuk tersebutlah yang telah digunakan dalam penulisan mashaf-mashaf al-Qur'an pada zaman sekarang.

Sungguhpun demikian, terdapat juga sedikit perselisihan pendapat dikalangan ulama mengenai beberapa huruf yang *Mu'jam* ini, iaitu dari segi kedudukan dan juga bentuk titik-titiknya. Huruf-huruf yang dimaksudkan itu ialah *Fā'*, *Qāf*, *Nūn* dan *Yā'*. Keterangan mengenai huruf-huruf tersebut adalah seperti berikut:

- a) Huruf *Fā'*: Terdapat tiga pendapat yang membahaskan tentang bentuk huruf ini.⁴¹ Pendapat-pendapat tersebut ialah:
 - i. Meletakkan satu titik di atas huruf tersebut (ف). Bentuk inilah yang digunakan dalam penulisan mashaf-mashaf al-Qur'an pada zaman sekarang.
 - ii. Meletakkan satu titik di bawah huruf tersebut (ب).
 - iii. Satu kumpulan yang lain pula tidak meletakkan sebarang titik pada huruf tersebut apabila ia berada di hujung kalimah (ب).
- b) Huruf *Qāf*: Terdapat tiga pendapat yang membahaskan tentang bentuk huruf ini.⁴² Pendapat-pendapat tersebut ialah:
 - i. Meletakkan dua titik di atas huruf tersebut (ق). Bentuk inilah yang digunakan dalam penulisan mashaf-mashaf al-Qur'an pada zaman sekarang.
 - ii. Meletakkan satu titik di atas huruf tersebut (ف).
 - iii. Satu kumpulan yang lain pula tidak meletakkan sebarang titik pada huruf tersebut apabila ia berada di hujung kalimah (ف).

⁴¹ Al-Dibā' (t.t.), *op.cit.*, hal. 116.

⁴² *Ibid.*

- c) Huruf *Nūn*: Terdapat dua pendapat yang membahaskan tentang bentuk huruf ini.⁴³ Pendapat-pendapat tersebut ialah:
- Meletakkan satu titik di atas huruf tersebut (ن) apabila ia berada pada permulaan, atau di pertengahan, atau di hujung kalimah. Bentuk inilah yang digunakan dalam penulisan mashaf-mashaf al-Qur'an pada zaman sekarang.
 - Meletakkan satu titik di atas huruf tersebut (ڻ) apabila ia berada di permulaan atau di pertengahan kalimah sahaja. Tetapi apabila ia berada di hujung kalimah, tiada sebarang titik diletakkan (ڻ).
- d) Huruf *Yā'*: Ulama telah sepakat mengatakan bahawa huruf tersebut mempunyai dua titik di bawah (ي), dan mereka juga bersepakat untuk tidak meletakkan sebarang titik pada huruf tersebut dalam lima keadaan,⁴⁴ iaitu:
- Apabila ia berada di hujung kalimah seperti (وَمُحَمَّدٌ).
 - Apabila ia merupakan *sūrah* bagi huruf *Hamzah* seperti (لِعَلَّ).
 - Apabila ia merupakan huruf ganti kepada huruf yang lain, sama ada ia terletak di pertengahan atau di hujung kalimah, contohnya seperti هُدَيْهُ وَتَوْيِيْنٍ dan (يَسْتَعْجِيْزَ).
 - Apabila ia dihadhafskan dan diletakkan satu huruf *Yā'* kecil sebagai tanda, sama ada ia terletak di pertengahan atau di hujung kalimah, contohnya seperti (وَالْبَيْنَ) dan (يَسْتَعْجِيْزَ).
 - Apabila ia hanya sebagai huruf sambungan untuk menunjukkan *mad silah*⁴⁵ seperti (بِهِ كَثِيرٌ).

PENUTUP

Begitulah keadaan mashaf-mashaf al-Qur'an *Rasm ‘Uthmāni* yang mengalami berbagai-bagai pembaharuan bermula pada zaman pemerintahan Bani Umayyah sehingga sekarang. Pembaharuan tersebut tidaklah berlaku setakat itu sahaja, malah disusuli oleh berbagai-bagai pembaharuan lain seperti pengwujudan tanda-tanda waqaf, juzuk, *mad* dan lain-lain lagi. Semua pembaharuan tersebut terus dicipta demi untuk menghiasi mashaf-mashaf *Rasm ‘Uthmāni* ketika itu.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Muhammad Muhammad Salim Muhyayin (1977), *op.cit.*, hal. 6.

⁴⁵ *Mad silah* bermaksud apabila terdapat huruf *Hā'* gantinama yang berbaris *kasrah*, *dammah* yang sebelum dan selepasnya terdapat huruf-huruf yang berbaris. Lihat Husayni Syaykh ‘Uthmān (t.t), *Haq al-Tilāwah*. Jordan: Maktabah al-Manār, hal. 155.

Walau bagaimanapun, jumhur ulama berpendapat bahawa semua pembaharuan tersebut harus dilakukan, malah dalam suasana sekarang ini, ada di antara tanda tersebut yang dikira wajib diletakkan kerana tanpanya, kebanyakan umat Islam akan merasai sukar untuk membaca al-Qur'an.